

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini golongan muflis muda dan apakah usaha Kerajaan bagi membendung masalah kadar muflis muda (iaitu golongan berumur 25 tahun ke bawah) yang semakin meningkat setiap tahun.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes yang direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) bagi tempoh 2013 sehingga April 2015 ialah sebanyak 50,445 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 864 kes (1.7%) melibatkan golongan berumur 25 tahun ke bawah. Sebanyak 208 kes direkodkan pada tahun 2013, 635 kes pada 2014 dan 21 kes sehingga April 2015.

2. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang insolvensi terutama melibatkan golongan belia. Kerajaan juga telah melaksanakan program "outreach" yang bertujuan menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran di kalangan belia muda. Promosi melalui media cetak dan media elektronik telah dilaksanakan melalui cetakan artikel, treler insolvensi dan rancangan bual bicara dalam radio dan televisyen termasuk radio yang dianjurkan oleh pihak universiti.

3. Selain itu, Kerajaan melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah mengadakan program-program bagi memberi kesedaran tentang insolvensi terutamanya kesan-kesan kebangkrapan kepada semua golongan agar masalah ini dapat ditangani di peringkat pra kebangkrapan lagi.

4. Pada masa ini, Kerajaan juga sedang dalam proses menggubal undang-undang kebangkrapan yang baru yang mengambil kira peluang kedua lebih-lebih lagi kepada golongan muda daripada terus dibankrapkan.

Sekian, terima kasih.